



IKLAN JAWATAN KOSONG

Rujukan Fail : MPD. 01/02/05/26

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia keutamaan rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

BIL	JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI
1.	Jurutera Gred J44 (1 Kekosongan)	Pengurusan Dan Profesional	P1T1RM3026.12 - P1T14RM5016.03 P2T1RM3355.90 - P2T14RM5544.71
2.	Jurutera Gred J41 (1 Kekosongan)	Pengurusan Dan Profesional	P1T1 RM 2088.25 – P1T23 RM 4721.03 P2T1 RM 2184.26 – P2T23 RM 5015.88 P3T1 RM 2284.45 – P3T23 RM 5306.79
3.	Arkitek Gred J41 (1 Kekosongan)	Pengurusan Dan Profesional	P1T1 RM 2088.25 – P1T23 RM 4721.03 P2T1 RM 2184.26 – P2T23 RM 5015.88 P3T1 RM 2284.45 – P3T23 RM 5306.79
4.	Arkitek Landskap Gred J41 (1 Kekosongan)	Pengurusan Dan Profesional	P1T1 RM 2088.25 - P1T23 RM 4721.03 P2T1 RM 2184.26 - P2T23 RM 5015.88 P3T1 RM 2284.45 - P3T23 RM 5306.79
5.	Pegawai Undang-Undang Gred L41 (1 Kekosongan)	Pengurusan Dan Profesional	P1T1 RM 1989.45 – P1T24 RM 4700.07 P2T1 RM 2085.46 – P2T24 RM 4982.51 P3T1 RM 2185.65 – P3T24 RM 5274.82
6.	Juruaudit Gred W41 (1 Kekosongan)	Pengurusan Dan Profesional	P1T1 RM 1702.81 - P1T27 RM 4688.95 P2T1 RM 1798.82 - P2T27 RM 4968.61 P3T1 RM 1899.01 - P3T27 RM 5255.39
7.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1204.55 – P1T26 RM 3027.10 P2T1 RM 1274.13 – P2T26 RM 3213.25

	(3 Kekosongan)		P3T1 RM 1346.73 – P3T26 RM 3405.26
8.	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1204.55 – P1T26 RM 3027.10 P2T1 RM 1274.13 – P2T26 RM 3213.25 P3T1 RM 1346.73 – P3T26 RM 3405.26
9.	Pembantu Arkitek Landskap Gred J29 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1549.40 – P1T21 RM 3046.80 P2T1 RM 1620.49 – P2T21 RM 3241.91 P3T1 RM 1694.60 – P3T21 RM 3430.90
10.	Penolong Juruukur Bahan Gred J29 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1549.40 - P1T21 RM 3046.80 P2T1 RM 1620.49 - P2T21 RM 3241.91 P3T1 RM 1694.60 - P3T21 RM 3430.90
11.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1160.69 - P1T27 RM 3057.39 P2T1 RM 1231.78 - P2T27 RM 3241.91 P3T1 RM 1305.89 - P3T27 RM 3430.90
12.	Penolong Pegawai Senibina Gred J29 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1549.40 - P1T21 RM 3046.80 P2T1 RM 1620.49 - P2T21 RM 3279.74 P3T1 RM 1694.60 - P3T21 RM 3476.28
13.	Penolong Pegawai Penerangan Gred S27 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1204.55 - P1T26 RM 3027.10 P2T1 RM 1274.13 - P2T26 RM 3213.25 P3T1 RM 1346.73 - P3T26 RM 3405.26
14.	Penolong Akauntan Gred W27 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1209.09 - P1T26 RM 3031.64 P2T1 RM 1278.67 - P2T26 RM 3217.79 P3T1 RM 1351.27 - P3T26 RM 3409.80
15.	Penolong Pegawai Belia Dan Sukan Gred S27 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1204.55 - P1T26 RM 3027.10 P2T1 RM 1274.13 - P2T26 RM 3213.25 P3T1 RM 1346.73 - P3T26 RM 3405.26
16.	Juruteknik Ukur Bahan Gred J17 (1 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 843.06 - P1T26 RM 2325.37 P2T1 RM 896.00 - P2T26 RM 2452.46 P3T1 RM 950.45 - P3T26 RM 2583.95

17.	Juruteknik Perancang Bandar & Desa Gred J17 (2 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 843.06 - P1T26 RM 2325.37 P2T1 RM 896.00 - P2T26 RM 2452.46 P3T1 RM 950.45 - P3T26 RM 2583.95
-----	--	--------------------------	---

18.	Juruteknik (Awam) Gred J17 (4 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 843.06 - P1T26 RM 2325.37 P2T1 RM 896.00 - P2T26 RM 2452.46 P3T1 RM 950.45 - P3T26 RM 2583.95
19.	Tukang K1 (Mekanikal) Gred R17 (2 kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 1166.74 - P1T15 RM 1981.96 P2T1 RM 1218.17 - P2T15 RM 2083.39 P3T1 RM 1271.11 - P3T15 RM 2189.21
20.	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 (4 Kekosongan)	Perkhidmatan Sokongan	P1T1 RM 821.89 – P1T24 RM 2152.86 P2T1 RM 873.32 – P2T24 RM 2274.01 P3T1 RM 926.26 – P3T24 RM 2399.46

Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuan Tetap Khidmat Awam, Imbuan Tetap Perumahan dan Elaun-Elaun lain.

CARA MEMOHON / SYARAT LANTIKAN

1. JURUTERA GRED J44

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (ii) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan **tidak kurang 5 tahun**

(Keutamaan kepada calon Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam)

2. JURUTERA GRED J41

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (ii) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

[Keutamaan kepada calon Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)]

3. **ARKITEK GRED J41**

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : P1T3)

- dan (ii) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. **ARKITEK LANDSKAP GRED J41**

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- (ii) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan dipertimbangkan kepada calon yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang lanskap)

5. **PEGAWAI UNDANG – UNDANG GRED L41**

Syarat Lantikan

a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*); dan

- (iii) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- b) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Undang – Undang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Undang – Undang Gred

L41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas ;dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

6. JURUAUDIT GRED W41

Syarat Lantikan

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-
 - (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 :P1T3); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 :P1T8); atau
 - (iii) Ahli Penuh Badan – Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 :P1T8); atau
 - (iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan – Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 :P1T9); atau
 - (v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 :P1T10); atau

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan a(iii) dan (iv) di atas adalah seperti di Rujukan W]
- dan
- (vi) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan kepada calon yang memiliki pengalaman)

7. PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27

Syarat Lantikan

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-
- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 :P1T1); atau
 - (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 :P1T5); atau
 - (iii) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 :P1T6);
- dan (b) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

8. PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED N27

Syarat Lantikan

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-
- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; atau
 - (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 :P1T5); atau
 - (iii) bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
- b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu.
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita.
 - (iii) Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menatik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata.

- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diakui sihat dan sesuai oleh Pegawai Perubatan kerajaan.
- dan c) calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) (i) atau (ii) di atas hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan kepada calon-calon yang berpengalaman dalam bidang Penguatkuasaan)

9. PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED J29

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J29: P1T2);
- (ii) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (iii) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Landskap adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Arkitek Landskap Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (i) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan

10. PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED J29

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan Gred J29: P1T2)
- dan (ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

11. PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada Kolej Inspektor Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan Gred U29: P1T6)

- dan (ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

12. PENOLONG PEGAWAI SENIBINA GRED J29

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan Gred J29: P1T2) atau

- dan (ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Keutamaan kepada calon yang berpengalaman)

13. PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN GRED S27

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; atau

- (ii) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27 : P1T5)

- dan (iii) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berpengalaman)

14. PENOLONG AKAUNTAN GRED W27

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan Gred W27: P1T5) atau

- (ii) Licentiate Of The Chartered Institute Of Secretaries And Administrators Of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan Gred W27: P1T8)

- dan (iii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berpengalaman)

15. PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S27

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; atau

- (ii) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan Gred S27: P1T5)

- dan (iii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia dan sukan).

16. JURUTEKNIK UKUR BAHAN GRED J17

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Sijil dalam bidang Ukur Bahan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi atau politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17 : P1T9) : dan

- (ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

17. JURUTEKNIK PERANCANG BANDAR & DESA GRED J17

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi atau politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17 : P1T9) : dan

- (ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

18. JURUTEKNIK GRED J17

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17 : P1T9) : dan

- (ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan kepada calon lulusan Kejuruteraan Awam)

19. TUKANG K1 GRED R17

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (a) (i) tamat tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; atau
 - (ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Awam, Pekerja Awam Khas, Pemandu Kenderaan, Operator Loji dan Pemandu / Operator Jentera Pemungkah yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawai MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh Ketua Perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan / Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2.
- dan (c) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam pekhidmatan Tukang K2 dan K3 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Tukang K1 Gred R17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan ;-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(b) di atas ; dan
- (b) berumur tidak kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan.

(Keutamaan kepada calon-calon yang memiliki Sijil Automotif atau mahir dalam ketukangan)

20. PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut :-

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam mata pelajaran Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; **ATAU**
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan:

(Gaji permulaan ialah Gred W17: P1T2) **ATAU**

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan:

(Gaji permulaan ialah Gred W17: P1T5)

- (iv) Sijil dalam bidang Pengurusan Perniagaan atau Penyimpan Kira-Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah Gred W17: P1T9)

- dan (v) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan kepada calon-calon yang mahir mengendalikan komputer)

CARA MEMOHON

- i) Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang MPD. TR. 1 dengan harga RM1.00 yang boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Dungun **ATAU** dengan menghantar sampul surat berukuran 22cm x 35cm yang berselem dan beralamat sendiri **ATAU** dengan memuat turun daripada laman web <http://mpd.terengganu.gov.my>.
- ii) Transkrip keputusan peperiksaan semua semester yang disahkan hendaklah disertakan.
- iii) Borang permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen berikut :
- a) Gambar berukuran 'passport' (dilekatkan pada penjuru kanan Borang Permohonan) ;
 - b) Salinan Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan
 - c) Salinan Kad Pengenalan bapa sekiranya pemohon lahir di luar Negeri Terengganu.
 - d) Salinan Sijil Persekolahan yang disahkan; dan
 - e) Salinan dokumen berkaitan yang disahkan
- iv) Borang yang telah diisi selengkapnya hendaklah ditulis nama jawatan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dikemukakan kepada –

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN
JALAN YAHAYA AHMAD
23000 DUNGUN, TERENGGANU.**

- v) Tarikh Tutup Permohonan : **11 Julai, 2010**

PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

- i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memajukan permohonan tersebut

melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskinikan dan **Laporan Penilaian Prestasi 3 tahun berturut-turut** disertakan.

- ii) Pegawai sedang berkhidmat hendaklah mengisi alamat tempat bertugas di ruang alamat.

CATATAN:

- (i) Permohonan daripada kerakyatan Negeri Terengganu Darul Iman yang berkeelayakan adalah diberi keutamaan.
- (ii) Permohonan yang tidak lengkap, tidak terang, tidak ditandatangani atau tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan akan ditolak;
- (iii) Pemohon-pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
- (iv) Salinan sijil yang tiada pengesahan akan ditolak.
- (v) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas satu (1) tahun dari tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya.
- (vi) Taraf Jawatan : Tetap/Sementara/Kontrak

Bertarikh : 20 Jun, 2010
Bersamaan : 7 Rejab, 1431